

# MAJLIS PENUTUP SUKAN TAHUN 2017 DAN PEMBUKAAN SUKAN TAHUN 2018

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2891-majlis-penutup-sukan-tahun-2017-dan-pembukaan-sukan-tahun-2018](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2891-majlis-penutup-sukan-tahun-2017-dan-pembukaan-sukan-tahun-2018)

BUTTERWORTH, 15 Jan 18 – PU Butterworth telah berjaya melaksanakan Majlis Penutup Sukan Tahun 2017 dan Pembukaan Sukan Tahun 2018 yang disempurnakan oleh Pemangku Komander PU Butterworth, YBhg Kol Amer Mahmud bin Abd Rahman TUDM yang turut disertai semua Pegawai Memerintah Skuadron dan Ketua Cawang serta warga Pangkalan.

Acara telah dimulakan dengan senam robik yang melibatkan semua warga pangkalan. Sebanyak 3 acara sukan telah dipertandingkan iaitu:

- a. Road Relay – dimenangi oleh pasukan Cawang Materiel.
- b. Sukan Lasak – dimenangi oleh pasukan No 15 Skn.
- c. Tarik Tali – dimenangi oleh pasukan No 3 Skn.

Johan keseluruhan bagi Sukan PU Butterworth dan INSKEP telah dinobatkan kepada pasukan gabungan Cawang Tadbir, Provos dan UPKAT. Taniah kepada semua warga pangkalan yang telah memberikan komitmen dan kerjasama dalam menjayakan aktiviti sukan untuk tahun 2017.



